



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN:
SAY NO TO SEXUAL HARASSMENT**

**LOKASI / TARIKH / MASA
HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR | 19 MEI 2026 (SELASA) | 12.00 TGH**

Kemas kini 18 Mei 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita semua dapat berhimpun pada hari yang penuh bermakna ini sempena **PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN: SAY NO TO SEXUAL HARASSMENT.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mempamerkan komitmen, solidariti dan sokongan padu dalam memperkukuhkan agenda kesejahteraan masyarakat.

(B) AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 [AKTA 840] DAN TRIBUNAL

Hadirin yang dihormati,

3. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah tegas untuk menangani isu gangguan seksual termasuk menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Pelaksanaan akta ini diperkukuh melalui garis panduan yang komprehensif, merangkumi aspek pencegahan, tatacara tindakan, serta perlindungan menyeluruh kepada mangsa bagi memastikan isu gangguan seksual dapat ditangani secara lebih sistematik, berkesan dan bersepadu.

4. Penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) pula berperanan sebagai platform alternatif bagi menyelesaikan aduan kes gangguan seksual dengan lebih cepat, mudah dan kos berpatutan untuk mangsa menuntut hak mereka. **Berdasarkan laporan TAGS, sehingga 26 April 2026, sebanyak 92 aduan telah difailkan, dengan 69 daripadanya berjaya diselesaikan.** Pencapaian ini membuktikan bahawa tribunal ini berkesan dalam mempercepat proses menyampaikan keadilan kepada mangsa.

(C) PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Hadirin yang dihormati,

5. Isu gangguan seksual bukanlah perkara baharu yang boleh dipandang remeh, sebaliknya ia merupakan satu bentuk salah laku yang memberi kesan mendalam dari segi emosi, psikologi dan juga sosial kepada kehidupan mangsa. Justeru, usaha advokasi dan pendidikan masyarakat amat penting untuk mengubah cara berfikir, memperkukuh kefahaman dan membina budaya yang lebih selamat, inklusif dan berteraskan rasa hormat antara satu sama lain.

6. **Statistik PDRM menunjukkan trend peningkatan yang membimbangkan dengan 477 kes direkodkan pada tahun 2022, meningkat kepada 522 kes pada tahun 2023, dan melonjak kepada 788 kes pada tahun 2024, sebelum terus meningkat kepada 1,038 kes pada tahun 2025.** Kenaikan berterusan ini jelas menggambarkan bahawa isu ini semakin serius dan memerlukan tindakan tegas serta kesedaran menyeluruh dalam kalangan masyarakat untuk membendungnya daripada terus berleluasa.

7. Peningkatan laporan ini turut mencerminkan tahap kesedaran masyarakat yang berani untuk tampil ke hadapan melaporkan kes kepada pihak berkuasa dan menuntut hak mereka. Perkembangan ini mencerminkan perubahan positif dalam sikap masyarakat yang semakin menolak normalisasi gangguan serta lebih peka terhadap kepentingan melaporkan sebarang bentuk salah laku demi mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk semua.

8. Sebelum ini, banyak kes gangguan seksual tidak dilaporkan mungkin kerana mangsa takut atau tidak percaya mereka akan dilindungi, sedangkan kajian menunjukkan bahawa jika kes kecil dibiarkan tanpa tindakan, ia boleh membuka ruang kepada perlakuan yang lebih serius pada masa hadapan. Oleh itu, kita perlu memastikan tiada ruang diberikan langsung kepada pelaku sama ada secara terang-terangan mahupun berselindung di sebalik gurauan.

(D) WOMEN, PEACE AND SECURITY

9. JPW turut melaksanakan program advokasi *Women, Peace and Security* (WPS) sebagai usaha meningkatkan kesadaran mengenai kepentingan penglibatan wanita dalam aspek keamanan, keselamatan dan pembangunan negara. Program kita pada hari ini selari dengan inisiatif ***National Action Plan: Women, Peace and Security 2025-2030 (NAP WPS)*** yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemangkin keamanan dan pembangunan mampan.

(E) HARAPAN

Hadirin yang dihormati,

10. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar semua pihak dapat membantu KPWKM memperkuat advokasi berkaitan gangguan seksual. Isu yang tidak dibendung dari peringkat awal berpotensi mencetuskan pelbagai bentuk keganasan yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan individu dan keharmonian masyarakat.

11. Kita semua, sama ada sebagai ibu bapa, pendidik, majikan, rakan sekerja mahupun pelajar, perlu memikul tanggungjawab untuk mewujudkan budaya sifar toleransi terhadap gangguan seksual. Pendidikan awal, keberanian untuk bersuara, dan mekanisme sokongan kepada mangsa perlu terus diperkasakan dan diperluaskan. Dengan penglibatan semua pihak secara kolektif, kita mampu membina persekitaran yang lebih selamat, beretika dan menghormati maruah setiap individu.

(D) PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi,

12. Sebelum saya akhiri, izinkan saya tinggalkan beberapa pesanan:

- **Berani bersuara:** jangan takut untuk melaporkan sebarang bentuk gangguan melalui saluran yang betul seperti Tribunal Anti-gangguan Seksual dan pihak berkuasa.

- **Simpan bukti:** setiap maklumat dan bukti adalah penting untuk membantu menegakkan keadilan.
- **Jangan pendam:** sentiasa dapatkan bantuan daripada individu atau pihak yang dipercayai.
- **Sokong mangsa:** agar mereka tidak berjuang sendirian dalam menghadapi pengalaman yang mencabar ini.
- **Ketahui hak anda:** khususnya wanita, supaya kita lebih peka dan tidak mudah diperkotak-katikan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

13. Semoga program ini mencapai objektifnya dalam memperkukuh kesedaran, memperkasa tindakan pencegahan, serta membentuk persekitaran yang selamat, berintegriti dan bebas daripada gangguan seksual.

14. Akhir kalam, dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", saya dengan sukacitanya merasmikan **PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN: SAY NO TO SEXUAL HARASSMENT.**

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
19 Mei 2026